



GERAN IMPAK SOSIAL YTM
GARIS PANDUAN PERMOHONAN
Versi 2.0

15 Mei 2024

1.1 LATAR BELAKANG

Yayasan TM (“YTM”) meneruskan aspirasi transformasinya ke arah menjadi yayasan berimpak sosial dengan matlamat utama untuk memberikan impak yang lebih besar kepada masyarakat secara lebih menyeluruh. Inisiatif-inisiatif impak sosial YTM merangkumi tiga teras yang diperkukuh iaitu **Pendidikan, Pembangunan Komuniti & Negara (termasuk Alam Sekitar)** dan **Seni, Budaya & Warisan**.

Selaras dengan itu, YTM menggunakan pendekatan yang lebih kolaboratif dalam pelaksanaan program dan inisiatifnya, dengan penekanan kepada pemanfaatan teknologi, penyelesaian dan kemahiran digital bagi menyokong usaha-usaha pelbagai organisasi, seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat sivil (CSO), perusahaan sosial (SE), institusi pendidikan, pertubuhan komuniti dan pertubuhan kebajikan.

Pada tahun 2022, YTM telah menawarkan Geran Impak Sosial YTM bagi meluaskan jangkauan dan impak program lestari. YTM membuka kembali permohonan geran pada tahun ini berdasarkan kejayaan pelaksanaan pelbagai projek impak sosial bersama lapan (8) organisasi terpilih yang telah memberi manfaat kepada lebih 6,000 orang penerima.

YTM mengalu-alukan cadangan yang menepati objektif tiga teras utama dan merangkumi kebolehskalaan serta kesinambungan program, berpeluang untuk menyokong perubahan dasar ke arah yang lebih baik, bagaimana impaknya boleh mengubah atau memangkin penambahbaikan selanjutnya dalam isu atau kawasan yang terjejas, serta kelestarian program.

1.2 TERMA RUJUKAN

Geran Impak Sosial YTM yang ditawarkan pada tahun 2024 adalah berjumlah RM1,500,000 seperti butiran di bawah:

Tempoh Pelaksanaan Projek	Jumlah Geran Setiap Projek (RM)
6 bulan sehingga 12 bulan (Oktober 2024 – Oktober 2025)	RM100,000 sehingga RM250,000

1.3 KELAYAKAN PERMOHONAN

Bahagian berikut menetapkan kriteria untuk penyerahan, pemilihan dan pelaksanaan program yang disokong oleh YTM.

1.3.1 Kelayakan Pemohon

Kelayakan untuk menerima geran, pemohon mestilah:

Geran Impak Sosial YTM 2024							
<p>a) Berdaftar secara sah mengikut kawasan tempatan dengan pihak berkuasa yang berkaitan (Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau Suruhanjaya Syarikat) di Malaysia atau syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 untuk perusahaan sosial atau organisasi berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.</p>							
<p>b) Institusi dan organisasi yang layak dipertimbangkan adalah berdasarkan kategori di bawah Subseksyen 44 (7) Akta Cukai Pendapatan 1967:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #005580; color: white;">Kategori</th> <th style="background-color: #005580; color: white;">Definisi/Amalan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Subseksyen 44 (7) – Institusi</td> <td>Ditubuhkan di dalam Malaysia. Beroperasi dan berjalan bukan berasaskan keuntungan. Institusi perlu berdaftar samada dengan SSM, ROS , BHEE atau mana-mana perundangan bertulis di Malaysia.</td> </tr> <tr> <td>Subseksyen 44 (7) – Organisasi</td> <td>Ditubuhkan di dalam Malaysia. Beroperasi dan berjalan bukan berasaskan keuntungan. Organisasi selalunya dikawal oleh sebuah badan induk atau berpusat. Mempunyai entiti secara fizikal dan perlu berdaftar di mana-mana badan / agensi di bawah undang-undang bertulis di Malaysia. Antaranya ialah SSM, ROS, BHEUU dan lain-lain. Organisasi perlu mempunyai perlembagaan, objektif dan struktur organisasi yang jelas. Organisasi ditadbir menerusi peraturan dan undang-undang.</td> </tr> </tbody> </table>		Kategori	Definisi/Amalan	Subseksyen 44 (7) – Institusi	Ditubuhkan di dalam Malaysia. Beroperasi dan berjalan bukan berasaskan keuntungan. Institusi perlu berdaftar samada dengan SSM, ROS , BHEE atau mana-mana perundangan bertulis di Malaysia.	Subseksyen 44 (7) – Organisasi	Ditubuhkan di dalam Malaysia. Beroperasi dan berjalan bukan berasaskan keuntungan. Organisasi selalunya dikawal oleh sebuah badan induk atau berpusat. Mempunyai entiti secara fizikal dan perlu berdaftar di mana-mana badan / agensi di bawah undang-undang bertulis di Malaysia. Antaranya ialah SSM, ROS, BHEUU dan lain-lain. Organisasi perlu mempunyai perlembagaan, objektif dan struktur organisasi yang jelas. Organisasi ditadbir menerusi peraturan dan undang-undang.
Kategori	Definisi/Amalan						
Subseksyen 44 (7) – Institusi	Ditubuhkan di dalam Malaysia. Beroperasi dan berjalan bukan berasaskan keuntungan. Institusi perlu berdaftar samada dengan SSM, ROS , BHEE atau mana-mana perundangan bertulis di Malaysia.						
Subseksyen 44 (7) – Organisasi	Ditubuhkan di dalam Malaysia. Beroperasi dan berjalan bukan berasaskan keuntungan. Organisasi selalunya dikawal oleh sebuah badan induk atau berpusat. Mempunyai entiti secara fizikal dan perlu berdaftar di mana-mana badan / agensi di bawah undang-undang bertulis di Malaysia. Antaranya ialah SSM, ROS, BHEUU dan lain-lain. Organisasi perlu mempunyai perlembagaan, objektif dan struktur organisasi yang jelas. Organisasi ditadbir menerusi peraturan dan undang-undang.						
<p>c) Telah dibentuk dan didaftarkan sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebelum dipertimbangkan untuk geran YTM serta mempunyai rekod prestasi projek atau program pelaksanaan selama dua (2) tahun yang lalu.</p>							
<p>d) Mempunyai kapasiti dengan struktur sedia ada bagi membolehkan projek dimulakan dan dilaksanakan dengan segera.</p>							
<p>e) Mempunyai proses audit dalaman untuk audit tahunannya yang teratur.</p>							

Kriteria kelayakan lain yang berkaitan:

- a) Pemohon boleh menghantar lebih daripada satu (1) permohonan cadangan.
Contoh: Cadangan program untuk bidang tumpuan yang berlainan.
- b) Institusi awam dan perundangan boleh memohon sebagai pemohon bersama dengan NGO/CSO lain sebagai pemohon utama.

1.3.2 Kelayakan Program

Aktiviti-aktiviti yang akan dipertimbangkan untuk pemberian Geran Impak Sosial YTM adalah yang sejajar dengan **Objektif Surat Ikatan Amanah YTM**.

Berikut adalah bidang tumpuan dan contoh program bagi setiap teras sebagai garis panduan permohonan anda.

A) TERAS 1: PENDIDIKAN

Bidang Tumpuan	Pendidikan Berkualiti kepada Pelajar Kurang Berkemampuan	Kemahiran & Literasi Digital	Pengurangan Isu Kerentanan dan Sosial di Kalangan Pelajar
Jenis Program	Program yang memberi tumpuan dan membantu pelajar kurang bernasib baik dalam meningkatkan tahap pendidikan.	Program untuk memperkasakan golongan belia dengan teknologi dan kemahiran IR4.0 terkini.	Program kesedaran alam sekitar, keselamatan, kesihatan mental serta fizikal, sosial dan sebagainya.
Lokasi	Seluruh Negara		
Pencapaian yang Diinginkan	Potensi penuh pelajar menerusi pendidikan berkualiti dan pembelajaran sepanjang hayat.	Melahirkan generasi celik digital dengan kemahiran IR4.0 sambil meningkatkan potensi dan kesediaan mereka untuk pekerjaan abad ke-21.	Meningkatkan pengetahuan tentang persekitaran mampan, menggalakkan kesihatan mental dan fizikal yang lebih baik, kebersihan, keselamatan dan sebagainya.

B) TERAS 2 : PEMBANGUNAN KOMUNITI & NEGARA

Bidang Tumpuan	Pemeriksaan Sosio Ekonomi dan Kehidupan Maman	Kesejahteraan Kesihatan & Mental	Pemeliharaan Alam Sekitar
Jenis Program	Program pemeriksaan sosio ekonomi untuk komuniti terpinggir menerusi perniagaan digital, peluang pendapatan baharu dan pembangunan kemahiran diri.	Program untuk mempromosikan kesihatan mental dan kesejahteraan komuniti menerusi pendidikan dan kesedaran, termasuk menyediakan bantuan emosi dan psikologi.	Program kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar, di samping memelihara serta memulihara sumber asli, ekosistem, marin, flora dan fauna.
Lokasi	Seluruh Negara		
Pencapaian yang Diinginkan	Komuniti terpinggir mampu meningkatkan sosio ekonomi dan memperbaiki kualiti kehidupan, disokong dengan pengetahuan dan kemahiran kemampuan baharu.	Tahap kesedaran dan pengetahuan Komuniti mengenai kesihatan dan mental semakin meningkat serta berpotensi mengurangkan permasalahan sosial.	Peningkatan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar dan pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di kalangan komuniti.

C) TERAS 3 : SENI, BUDAYA & WARISAN

Bidang Tumpuan	Kandungan Pendidikan Berkaitan Seni, Budaya & Warisan (Telekomunikasi)	Pemeliharaan Warisan dan Budaya Tempatan
Jenis Program	Menghasilkan video pendidikan berkualiti tinggi atau dokumentari pendek berkaitan seni, budaya dan warisan (telekomunikasi) yang sesuai untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar dan orang ramai. Jika sesuai, ini boleh digunakan sebagai bahan untuk dipamerkan di muzium, rancangan TV, program latihan dan platform dalam talian.	Program pemeliharaan warisan budaya tidak ketara contohnya, lagu, muzik, drama, bahasa, kraf dan sebagainya untuk dijalankan/dipamerkan Muzium Telekom dan Muzium Telegraf.

Lokasi	Muzium Telekom, Kuala Lumpur & Muzium Telegraf, Taiping	
Pencapaian yang Diinginkan	Meningkatkan minat dan pengetahuan komuniti, termasuk golongan muda, tentang sejarah telekomunikasi melalui pendekatan yang kreatif.	Meningkatkan kesedaran komuniti berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya Malaysia menarik minat komuniti termasuk golongan muda.

Berikut adalah antara kriteria penting yang akan dipertimbangkan:

Keterangkuman (Inclusivity)

- Bagi Teras 1 dan 2, aktiviti mesti menyasarkan dan menangani keperluan 50% golongan komuniti terbawah yang kurang mendapat perkhidmatan, terdedah dan terpinggir di Malaysia, seperti:
 - i. Kumpulan B40 – keluarga, pelajar, ibu tunggal, warga emas
 - ii. Asnaf/Miskin
 - iii. Orang Kurang Upaya (OKU)
 - iv. Gelandangan
- Aktiviti yang menggalakkan keterangkuman sosial, pemerksaan ekonomi dan pembangunan modal insan, serta mampu memulakan semula atau menjana aktiviti ekonomi baharu untuk kesejahteraan komuniti.
- Aktiviti dengan penyelesaian inovatif kepada isu sosial sedia ada.

Pelaksanaan Program

- Aktiviti pendidikan dan latihan yang berkaitan dengan teras YTM.
- Penyediaan perkhidmatan sosial, termasuk perkhidmatan kaunseling (kesejahteraan mental dan sokongan psikososial kepada komuniti rentan dan lain-lain) dan perlindungan wanita dan kanak-kanak yang memerlukan.

Lain-lain Kriteria Kelayakan

- Projek yang dicadangkan mesti sejajar dengan satu atau lebih dengan teras YTM.
- Aktiviti yang dicadangkan mesti menunjukkan keupayaan untuk menghasilkan kesan yang boleh diukur (keputusan jangka pendek), hasil (keputusan jangka pertengahan) dan impak sosial (keputusan jangka panjang) dalam bidang tumpuan yang dipilih.
- Pemohon mesti menunjukkan keupayaan program yang dicadangkan untuk menjadi sebahagian daripada sumber komuniti yang mampan setelah selesai.
- Pemohon mesti menunjukkan keupayaan program yang dicadangkan untuk dipertingkatkan atau diperluaskan merentasi pelbagai wilayah/daerah di Malaysia mahupun penerima, serta keupayaan projek dilaksanakan di kawasan atau komuniti berlainan.
- Aktiviti yang dicadangkan harus mewujudkan dan menggalakkan perubahan positif pelbagai aspek.

Berikut adalah jenis inisiatif/aktiviti yang **tidak layak**:

- Derma atau pemberian terus kepada individu.
- Inisiatif berkaitan dengan tajaan individu untuk penyertaan dalam bengkel, seminar, persidangan dan kongres; atau untuk pengajian atau kursus latihan.
- Inisiatif yang tidak sejajar dengan teras dan bidang tumpuan YTM, seperti menangani masalah/isu kesihatan.
- Inisiatif yang menyokong kempen politik
- Inisiatif pada asasnya tertumpu pada aktiviti pembinaan, pembelian peralatan, pembelian dan pengubahsuaian bangunan atau pejabat untuk tujuan komersial.
- Inisiatif seperti derma amal dan aktiviti yang bertujuan mengaut keuntungan.
- Inisiatif yang telah dibiayai oleh YTM dan dilaksanakan sebelum tarikh tandatangan kontrak.
- Inisiatif yang melibatkan bantuan segera kepada penerima seperti menyediakan bantuan makanan, barangan kebersihan, barangan penjagaan bayi dan kanak-kanak, topeng, PPE dan disinfektasi.
- Aktiviti berasaskan agama dan kaum.

1.3.3 Kategori Kos yang Tidak Dibenarkan

Adalah penting bagi pemohon menyediakan belanjawan yang realistik dan kos efektif. Berikut adalah kategori kos yang tidak dibenarkan bagi tujuan permohonan geran:


Kos yang Tidak Dibenarkan
a) Duti kastam dan import, atau sebarang caj lain yang berkaitan
b) Pembelian atau pemajakan tanah dan bangunan sedia ada
c) Denda, penalti kewangan dan perbelanjaan litigasi
d) Caj bank, kos jaminan dan caj yang serupa
e) Kos susut nilai
f) Hutang dan caj perkhidmatan hutang
g) Peruntukan untuk kerugian atau potensi liabiliti masa hadapan
h) Kredit kepada pihak ketiga
i) Kos gaji kakitangan pentadbiran negara atau awam

1.4 PROSES PERMOHONAN

Untuk panduan langkah-langkah tentang cara memohon geran, sila klik pautan permohonan geran di: <https://tm.com.my/yayasantm/scholarships-grants#ytm-social-impact-grant>

Carta aliran di bawah menunjukkan proses permohonan **Geran Impak Sosial YTM 2024**.

PROSES PERMOHONAN GERAN IMPAK SOSIAL YTM



1.4.1 Melengkapkan Borang Permohonan

Hanya pemohon yang menepati kriteria pemohon akan diproses dan dinilai untuk Geran Impak Sosial YTM. Sila pastikan organisasi anda layak untuk memohon dengan melengkapkan borang **Senarai Semak Kelayakan** (tersedia untuk dimuat turun di halaman Geran di laman web YTM).

Sila lengkapkan Borang Permohonan (seperti contoh) dengan teliti dan sejelas yang mungkin. Sesetengah ruang mesti mengandungi maklum balas. Jika jawapan anda Tidak Berkenaan, anda mesti menyatakan 'Tidak Berkenaan'.

Sebarang maklumat yang tidak konsisten dalam Borang Permohonan boleh menyebabkan permohonan ditolak. Permohonan lengkap mestilah dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.

Hanya Borang Permohonan yang lengkap berserta dengan dokumen yang berkaitan, akan diterima. Oleh itu, amat penting bahawa dokumen berikut mengandungi semua maklumat yang berkaitan mengenai cadangan program.

Dokumen-dokumen tersebut adalah:

- Salinan sijil pendaftaran dengan ROS, ROC atau mana-mana badan pendaftaran yang berkaitan.
- Senarai Semak Kelayakan.
- Akaun kewangan yang diaudit dan/atau laporan aktiviti/program terkini untuk dua tahun yang lepas.
- Penerbitan terkini, artikel berita, akaun media sosial atau bahan lain yang berkaitan tentang organisasi atau projek, jika berkenaan (ini adalah pilihan, dan tidak akan menjejaskan penilaian cadangan).

Pemohon boleh mendapatkan penjelasan lanjut semasa proses permohonan. Sebarang pertanyaan berkaitan geran boleh disalurkan melalui e-mel kepada yaysantm.grant@tm.com.my selewat-lewatnya empat belas (14) hari bekerja sebelum tarikh tutup geran.

Garis masa permohonan Geran Impak Sosial YTM 2024 adalah seperti di bawah:

Aktiviti	Tarikh
Pembukaan Permohonan Geran	15 Mei 2024
Permohonan Geran Tutup	30 Jun 2024
Sesi Penilaian & Tawaran	1 – 31 Julai 2024
Penyerahan Perjanjian (MOA/LOA)	1 – 31 Ogos 2024
Pembayaran Dana Geran	September 2024
Pelaksanaan Projek	Oktober 2024 – Oktober 2025

1.5 PENILAIAN DAN PEMILIHAN PERMOHONAN

Permohonan geran yang diterima akan disemak dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Geran Impak Sosial YTM yang terlibat.

Semua pemohon akan dinilai berdasarkan **Perkara 1.3** di atas.

Sesi pembentangan akan diatur antara pemohon dan pihak YTM bagi permohonan yang disenarai pendek untuk membolehkan jawatankuasa penilai dan kelulusan mendapatkan maklumat lanjut berkaitan program.

Jawatankuasa Kelulusan Geran Impak Sosial YTM akan menyemak permohonan secara terperinci dan membuat keputusan berdasarkan maklumat terkini yang diberi oleh pemohon yang telah disenarai pendek.

Kualiti permohonan, termasuk pelan pelaksanaan dan bajet yang jelas, akan dinilai menggunakan kriteria yang ditetapkan.

Kelayakan pemohon akan dibatalkan daripada Geran Impak Sosial YTM sekiranya pemohon memberikan maklumat palsu.

1.6 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN

Pemohon akan dimaklumkan melalui emel untuk sebarang keputusan dan tawaran penerimaan berdasarkan perjanjian (memorandum perjanjian atau surat perjanjian) Geran Impak Sosial YTM sekiranya permohonan geran berjaya.

1.7 PEMBAYARAN DANA

Berikutan keputusan untuk menawarkan geran, pemohon akan ditawarkan kontrak berdasarkan perjanjian Geran Impak Sosial YTM yang akan merangkumi cadangan program akhir yang telah dipersetujui bersama, termasuk pelan kerja, pengurusan bajet dan jadual pelaporan.

Pihak YTM akan berkomunikasi dengan pemohon untuk membincangkan kaedah dan fasa pembayaran dana, mengikut garis masa dan aktiviti/keperluan projek. Setelah dipersetujui, perkara ini juga akan dimasukkan dalam perjanjian geran.

----- Dokumen Tamat -----